

# **TERMA DAN SYARAT**

## **PERWIRA SUPER APP – MINI EARLY BIRD LUCKY DRAW**

### **1. STRUKTUR KEMPEN**

- a. Mini Cabutan Bertuah PERWIRA Super App (“Mini Kempen”) dilaksanakan sebagai inisiatif penghargaan khas kepada pengguna yang mendaftar awal.
- b. Tempoh Kelayakan: 20 September 2025 (00:00 MYT) hingga 31 Disember 2025 (23:59 MYT).
- c. Tarikh Cabutan: 13 Mac 2026.
- d. Mini Kempen ini adalah berasingan daripada Cabutan Bertuah Utama yang dijadualkan pada September 2026 dan tidak menggantikan atau mengubah mana-mana terma Kempen Utama.

### **2. KELAYAKAN**

- a. Terbuka kepada Warga Kerja Pertahanan dan Penjawat Awam MINDEF yang telah berjaya memuat turun serta mendaftar dalam PERWIRA Super App dalam Tempoh Kelayakan.
- b. Tarikh pendaftaran akan ditentukan berdasarkan cap masa sistem rasmi yang direkodkan dalam pangkalan data PERWIRA Super App. Rekod sistem adalah muktamad dan konklusif.
- c. Peserta mestilah mengekalkan akaun yang aktif dan sah pada masa pemilihan pemenang.
- d. Tidak layak menyertai: kakitangan PERNAMA, kakitangan PERWIRA, vendor serta ahli keluarga terdekat mereka.
- e. Peserta yang didapati mewujudkan berbilang akaun, membuat pendaftaran palsu, atau menggunakan identiti pendua akan dibatalkan penyertaan.

### **3. MEKANISME MINI KEMPEN**

- a. Setiap peserta yang menerima tiket *Early Bird*.
- b. Setiap tiket mewakili satu (1) penyertaan bebas dalam cabutan.
- c. Sekiranya peserta memenangi satu hadiah, baki tiket yang dimiliki masih layak untuk cabutan seterusnya.
- d. Tiada pembelian atau bayaran tambahan diperlukan untuk menyertai Mini Kempen ini.
- e. Pengesahan kelayakan dan jumlah tiket adalah berdasarkan rekod sistem yang dijana secara rasmi.

### **4. HADIAH**

- a. Senarai muktamad hadiah (barangan elektronik, peralatan rumah, peralatan memasak dan lain-lain) serta jumlah pemenang akan dimasukkan di sini sebelum penerbitan rasmi.

- b. Semua hadiah adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti dan tidak boleh ditebus dalam bentuk wang tunai, kredit atau pampasan lain.
- c. Penganjur berhak menggantikan mana-mana hadiah dengan item lain yang bernilai sama atau lebih tinggi tanpa notis awal.
- d. Visual promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Spesifikasi, model atau warna sebenar mungkin berbeza.

<b>No.</b>	<b>Item Hadiah</b>	<b>Jumlah</b>
<b>1</b>	PHILIPS Micro Computer Rice Cooker HD4518/62 940W 1.8L	1
<b>2</b>	ELBA Pressure Cooker EPC-N4062(BL) 800W 4L	1
<b>3</b>	SHARP Microwave R219EK 800W 20L	1
<b>4</b>	FABER Electric Oven FEO Ivory 263 1500W 26L	1
<b>5</b>	PHILIPS Air Fryer NA120/09 1500W 4.2L Analogue	1
<b>6</b>	KHIND Multi Cooker MC5001 1300W 5L	1
<b>7</b>	TEFAL Natura 5-Piece Set (WP28, WP16, FP24, Ladle & Spatula)	1
<b>8</b>	KHIND Corded Stick Vacuum VC68P 600W 0.8L	1
<b>9</b>	PENSONIC Food Steamer PSM-162s 800W 12L 2 TIER	1
<b>10</b>	HANABISHI Sandwich Maker HA5563 850W WAFFLE/GRILL/SANDWICH	1
<b>11</b>	MIDEA Microcomputer Rice Cooker MB-FS5020 905W 1.8L	1
<b>12</b>	TEFAL Clear Cook 3PCS Set B266S3	1
<b>13</b>	PHILIPS Toaster HD2581/91 2 Slice Black	1
<b>14</b>	KHIND Food Chopper FPC2000 500W 2L Glass	1
<b>15</b>	TEFAL Lemony Cookware 3PCS Set (Workpan 28CM + Frypan 22CM + Spatula)	1
<b>16</b>	Baucar Tunai RM100	10

Semua hadiah adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti dan tidak boleh ditebus dalam bentuk wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk pampasan lain.

Visual promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Spesifikasi, model, warna atau ketersediaan produk sebenar adalah tertakluk kepada ketersediaan stok pembekal.

## **5. PEMILIHAN PEMENANG**

- a. Pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan elektronik.
- b. Cabutan akan dilaksanakan secara siaran langsung di platform media sosial rasmi PERWIRA pada 13 Mac 2026.
- c. Proses cabutan akan dipantau oleh wakil pematuhan dalaman yang dilantik bagi memastikan ketelusan.
- d. Pemenang akan diumumkan melalui media sosial PERWIRA, notifikasi dalam aplikasi dan laman web rasmi.
- e. Pemenang akan dihubungi menggunakan maklumat terkini yang didaftarkan.

- f. Sekiranya pemenang gagal dihubungi selepas tiga (3) percubaan dalam hari yang sama, pemenang simpanan boleh dipilih.
- g. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

## **6. PNEBUSAN & PENGAMBILAN HADIAH**

- a. Hadiah akan dipenuhi dan dihantar oleh pembekal yang dilantik dan ditetapkan oleh Penganjur.
- b. Pengaturan penghantaran, penyelarasan logistik, dan pemenuhan produk akan diuruskan secara langsung oleh pihak pembekal.
- c. Semua kos penghantaran dan pengangkutan akan ditanggung sepenuhnya oleh Penganjur.
- d. Pemenang dikehendaki memberikan maklumat penghantaran yang tepat dan membuat pengesahan penerimaan dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh notifikasi. Kegagalan untuk memberi maklum balas atau membuat pengesahan dalam tempoh tersebut boleh menyebabkan hadiah dibatalkan.
- e. Pemenang mungkin dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah bagi tujuan pengesahan sebelum penghantaran atau semasa penerimaan hadiah.
- f. Waranti dan perkara berkaitan produk adalah tertakluk sepenuhnya kepada terma dan syarat standard pembekal.
- g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan, kerosakan, kelewatan atau isu yang timbul selepas hadiah dihantar dan disahkan penerimaannya oleh pemenang.

## **7. TERMA DAN SYARAT UMUM**

- a. PERWIRA Super App berhak meminda, menanggung, menggantung atau menamatkan Mini Kempen ini dengan notis munasabah.
- b. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang melanggar Terma dan Syarat atau terlibat dalam penipuan, salah nyata atau manipulasi sistem.
- c. Dengan menyertai Mini Kempen ini, peserta bersetuju bahawa data peribadi mereka boleh dikumpul, diproses dan digunakan bagi tujuan pengurusan kempen, pengumuman pemenang dan promosi selaras dengan Notis Privasi PERWIRA Super App.
- d. Penganjur berhak menggunakan nama, gambar dan maklumat pemenang untuk tujuan publisiti tanpa bayaran tambahan.
- e. Mini Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

## **8. KEADAAN DI LUAR KAWALAN**

Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan atau kelewatan dalam melaksanakan kewajipan sekiranya kegagalan tersebut berpunca daripada kejadian di luar kawalan munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan sistem, gangguan internet, gangguan siaran langsung, sekatan peraturan, bencana alam atau sebarang keadaan di luar kawalan yang lain.

### **Kategori Hadiah Tambahan – Baucar Tunai RM100**

- a. Selain hadiah-hadiah yang disenaraikan di bawah Kempen ini, Penganjur akan memperkenalkan kategori hadiah tambahan iaitu **Baucar Tunai RM100**.
- b. Sebanyak **sepuluh (10) unit Baucar Tunai RM100** akan dimasukkan sebagai hadiah dalam **Mini Raya Cabutan Bertuah yang dijadualkan pada 13 Mac 2026**, bersama-sama hadiah lain yang diperuntukkan bagi cabutan tersebut.
- c. Selepas Mini Raya Cabutan Bertuah, Penganjur akan meneruskan **cabutan baucar secara bulanan bermula April 2026 hingga September 2026**.
- d. Bagi setiap cabutan bulanan tersebut, **sepuluh (10) unit Baucar Tunai RM100** akan diberikan kepada peserta yang layak.
- e. Cabutan baucar terakhir akan dijalankan **pada atau sebelum 16 September 2026**, yang merupakan tarikh akhir bagi **Kempen Cabutan Bertuah Utama PERWIRA Super App**.
- f. Pemenang Baucar Tunai RM100 akan dipilih melalui **sistem cabutan elektronik** selaras dengan mekanisme pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah Klausula 5 Terma dan Syarat ini.
- g. **Baucar Tunai RM100 hanya boleh ditebus untuk pembelian di Kedai PERNAMA sahaja** dan tertakluk kepada terma penebusan yang ditetapkan oleh Penganjur serta kedai yang mengambil bahagian.
- h. Baucar hendaklah dikemukakan semasa pembelian dan hanya boleh digunakan **untuk satu (1) transaksi sehingga nilai RM100 sahaja**. Sebarang baki nilai baucar tidak akan dipulangkan atau dibawa ke transaksi seterusnya.
- i. Baucar Tunai RM100 adalah **tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar ganti dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau apa-apa bentuk pampasan lain**.
- j. Penganjur berhak untuk meminda proses penebusan baucar atau menggantikan baucar tersebut dengan item lain yang bernilai sama sekiranya perlu.